



Tampil ciri moden

■ **Cooltopia kesinambungan air penyejuk badan Cap Kaki Tiga tampil perisa laici, jambu batu**

CHRIS (dua dari kanan) pada pelancaran produk baru, Cooltopia kesinambungan daripada air penyejuk badan Cap Kaki Tiga dengan dua perisa laici dan jambu batu, semalam.

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Wen Ken Group yakin untuk mengekalkan sumbangan 60 peratus pendapatan daripada segmen produk penyejukan badannya disokong dengan pengenalan produk baru, Cooltopia.

Pengarah Perniagaannya, Chris Lim berkata, Cooltopia adalah kesinambungan daripada air penyejuk badan Cap Kaki Tiga dengan dua perisa laici dan jambu batu.

Katanya, Cooltopia juga dihasilkan dengan ciri moden dan menggabungkan fungsi utamanya menyejukkan badan dengan kelazatan minuman berperisa buah-buahan.

“Syarikat masih mengekalkan fungsi penyejukan

sebagai fungsi utama, sama seperti produk klasik air penyejuk badan cap kaki tiga yang telah dipercayai lebih dari 80 tahun.

“Cooltopia adalah produk baru kami yang menampilkan ciri moden termasuk logo baru Cap Kaki Tiga yang disasarkan untuk mereka berumur 18 hingga 34 tahun.

“Selain Malaysia, kami juga memasarkan Cooltopia ke

Indonesia serta Singapura dan menerima sambutan menggalakkan,” katanya di majlis pelancaran Cooltopia di sini, semalam.

Cooltopia boleh didapati di semua kedai serbaneka, farmasi dan pasar raya di seluruh negara pada harga runcit RM2.90 sebotol (320 ml).

Lim berkata, segmen produk penyejuk badan Cap Kaki Tiga sentiasa mendapat permintaan dari dalam dan

luar negara.

Beliau berkata, tahun depan pihaknya akan memperkenalkan Cooltopia dengan beberapa perisa baru buah-buahan.

Menurutnya, Cooltopia mengandungi bahan aktif Gypsum Fibrosum dan Calcitum iaitu ubatan tradisional dan berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan mempunyai sijil halal.



PENGARAH Perniagaan Wen Ken Group, Chris Lim hadir pada majlis pelancaran Cooltopia di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Rosdan Wahid

Cooltopia produk terbaharu keluaran Wen Ken Group

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@nstp.com.my

KUALA LUMPUR: Wen Ken Group yang terkenal dengan pengeluaran produk kesihatan berjenama Cap Kaki Tiga, yakin mengekalkan sumbangan 60 peratus pendapatan daripada segmen produk penyejuk badannya disokong pengenalan produk baharu, Cooltopia.

Pengarah Perniagaannya, Chris Lim, berkata Cooltopia adalah kesinambungan daripada air penyejuk badan cap kaki tiga dengan dua perisa laici dan jambu batu.

Katanya, Cooltopia juga dihasilkan dengan ciri moden dan menggabungkan fungsi utamanya menyejukkan badan dengan kelazatan minuman berperisa buah-buahan.

“Syarikat masih mengekalkan fungsi penyejuk sebagai fungsi utama, sama seperti produk klasik air penyejuk badan cap kaki tiga yang telah dipercayai lebih dari 80 tahun.

“Cooltopia adalah produk baru kami yang menampilkan ciri moden termasuk logo baru cap kaki tiga yang disasarkan untuk mereka berumur 18 hingga 34 tahun.

“Selain Malaysia, kami juga telah memasarkan Cooltopia ke Indonesia serta Singapura dan menerima sambutan menggalak katanya di majlis pelancaran Cooltopia di sini, hari ini.

Cooltopia boleh didapati di semua kedai serbaneka, farmasi dan pasar raya di seluruh Malaysia pada harga runcit RM2.90 sebotol (320 ml).

Lim berkata, segmen produk penyejuk badan cap kaki tiga sentiasa mendapat permintaan dari dalam dan luar negara.

Beliau berkata, tahun depan pihaknya akan memperkenalkan Cooltopia dengan beberapa perisa baru daripada buah-buahan.

Menurutnya, Cooltopia mengandungi bahan aktif Gypsum Fibrosum dan Calcitum iaitu ubatan tradisional dan berdaftar di bawa Kementerian Kesihatan Malaysia dan mempunyai sijil halal.

Tampil transformasi baharu

Cap Kaki Tiga perkenal logo baharu, lancar Cooltopia perisa laici, jambu batu

KUMPULAN Ken Wen melancarkan logo Cap Kaki Tiga yang baharu seiring dengan perkembangan moden dan inovasi terkini.

Transformasi itu juga ternyata relevan apabila produk air penyejuk badan Cooltopia berperisa turut diperkenalkan pada majlis Pelancaran Logo Baharu Cap Kaki Tiga dan Pelancaran Air Penyejuk Badan Cap Kaki Tiga berperisa jambu dan laici.

Cooltopia adalah satu produk kesinambungan daripada produk klasik Wen Ken iaitu Air Penyejuk Badan Cap Kaki Tiga

Cooltopia berfungsi un-



Pelancaran air penyejuk badan Cap Kaki Tiga berperisa jambu batu dan laici.

tuk menurunkan kepanasan badan dan menghilangkan dahaga.

Minuman berperisa "Luscious Lychee" dan "Juicy Guava" itu adalah dua perisa buah yang diperkenalkan di bawah rangkaian air penyejuk badan di bawah jenama Cap Kaki Tiga.

Pengarah Perniagaannya, Chris Lim Hong Eng berkata, sebagai jenama turun-temu-

run, Cap Kaki Tiga berpengalaman lebih 80 tahun di dalam pembuatan air penyejuk badan.

Menurutnya, Cooltopia memberikan nikmat yang terbaik dari dua sudut berbeza iaitu meningkatkan kesihatan dan dalam masa sama memberikan rasa sensasi segar daripada buah-buahan.

"Ia menggabungkan

fungsi penyejukan, tidak mengandungi bahan pengawet dan datang dalam dua perisa yang menarik di dalam botol berukuran 320ml yang mudah dibawa.

"Pada masa sama, Cooltopia direka agar botolnya lebih ringan dan mudah dibawa ke mana sahaja," katanya.

Hong Eng berkata, logo diberi nafas baharu itu meru-



Hong Eng (kiri) ketika mengadakan gimik pelancaran logo baharu Cap Kaki Tiga.

pakan perkembangan terkini Kumpulan Wen Ken dalam menjadi pembekal produk berkaitan kesihatan yang dipercayai ramai sehingga ke pasaran antarabangsa.

Jelasnya, buat masa ini Wen Ken berjaya menembusi kadar pencapaian yang tinggi di Singapura, Malaysia, Indonesia dan Brunei.

"Sejajar dengan transformasi di dalam organisasi,

Kumpulan Wen Ken fokus menghasilkan produk penjagaan kesihatan yang lebih mementingkan keperluan pelanggan.

"Langkah ini dapat dilihat daripada usaha yang berterusan dalam membangunkan dan mengembangkan produk yang ditawarkan untuk memenuhi keperluan pelanggan mengikut peredaran zaman," katanya.

Cap Kaki Tiga tampil dengan logo baharu

Logo diberi nafas baharu mewakili perkembangan mantap Kumpulan Ken Wen

Oleh Adriana Mroon Ambrose

KUALALUMPUR: Kumpulan Wen Ken, pengasas jenama yang tidak lapuk dek zaman, Cap Kaki Tiga, melancarkan penjenamaan semula identiti baharu untuk salah satu ikon Asia yang paling dikenali Logo Cap Kaki Tiga.

Logo yang diberikan nafas baharu ini mewakili perkembangan mantap Kumpulan Wen Ken dalam menjadi pembekal dan menghasilkan produk berkaitan kesihatan yang dipercayai ramai ke pasaran antarabangsa.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1937, Kumpulan Wen Ken telah berkembang menjadi salah sebuah pengeluar produk kesihatan alternatif dengan solusi kesihatan yang amat disegani di rantau ini.

Reka bentuk semula logo Cap Kaki Tiga oleh Kumpulan Wen Ken mencerminkan kejayaan mereka dalam mentransformasikan organisasi ini, serta komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap inovasi yang sentiasa mengutamakan keperluan pengguna.

Logo ini mewakili seluruh tenaga kerja di Wen Ken yang berusaha keras menerapkan nilai-nilai teras syarikat di dalam diri mereka dalam



RASA BUAH-BUAHAN: Cooltopia minuman berfungsi yang mampu menyegar tampil dengan keenakan rasa buah-buahan.

memimpin kumpulan ke arah perkembangan dan inovasi. Dengan mengeluarkan butiran yang rumit, logo Cap Kaki Tiga melambangkan arus kemodenan dan lebih relevan kepada masyarakat hari ini sekaligus memberikan keyakinan terhadap jenama Cap Kaki Tiga sepanjang zaman.

Cooltopia: Air penyejuk badan dengan kesegaran buah-buahan

Kumpulan Wen Ken turut memperkenalkan Air Penyejuk Badan Cooltopia yang merupakan salah satu produk kesinambungan daripada produk klasik Wen Ken iaitu Air Penyejuk Badan Cap Kaki Tiga.

Cooltopia berfungsi untuk menurunkan kepanasan badan dan menghilangkan dahaga. Minuman perasa buah ini merupakan sebahagian daripada rangkaian air penyejuk badan di bawah

jenama Cap Kaki Tiga.

Cooltopia memberikan anda nikmat yang terbaik dari dua sudut yang berbeza, meningkatkan kesihatan dan juga dalam masa yang sama memberikan rasa sensasi yang segar dari buah-buahan.

Ya menggabungkan fungsi penyejukan, tidak mengandungi bahan pengawet dan datang dalam dua perisa yang menarik: 'Luscious Lychee' dan 'Juicy Guava'. Terdapat dalam botol 320ml yang mudah

dibawa, ia memberikan nikmat kesegaran sepanjang hari.

Cooltopia adalah minuman berfungsi yang mampu menyegar dengan nikmat rasa buah-buahan. Sama ada anda sedang bersenam atau menikmati makanan, Cooltopia menjamin kesegaran anda untuk memastikan minda dan badan anda kekal cergas. Direka agar botolnya lebih ringan dan mudah dipegang, anda boleh membawa Cooltopia ke mana saja anda pergi.